



NOTIS SEBUT HARGA PERBADANAN PUTRAJAYA


NO. SEBUT HARGA : PPj/JR/SH(S)/92/2023

Tajuk Kerja :

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEREKABENTUK, MEMBINA, MENYIAPKAN, MENYELENGGARA DAN MELUPUSKAN PENGISIAN PROGRAM BAGI PENGANJURAN FESTIVAL 'LIGHT AND MOTION PUTRAJAYA 2023' (LAMPU 2023) PADA 25 – 31 DISEMBER 2023 UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA.



1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** dalam **Gred G3, Kategori : E – Pengkhususan E06 (Sistem Pencahayaan Khas) dan E11 (Kerja Am Elektrik) dan ke atas**.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **24 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)**, jam **10.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **24 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)** hingga **28 NOVEMBER 2023 (SELASA)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.


SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT
Naib Presiden (Perancangan Bandar)
Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya